**3.** Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu akademi bernama “Akademi Sains Malaysia” yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa, dan yang boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih daripada tiap-tiap perihalan dan boleh memindahhak, menyerahhak, menyerahkan, memulangkan, menggadai, menggadai-janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau memperlakukan mana-mana harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletakhak pada Akademi atas apa-apa terma yang difikirkan patut.

Matlamat  
Akademi.

**4.** Matlamat Akademi ialah pengusahaan, penggalakan dan pengekalan kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi untuk menggalakkan peningkatan seni dan amalan sains, kejuruteraan dan

teknologi bagi pembangunan negara dan kepentingan manusia.

**5. Fungsi-fungsi Akademi ialah—**

- (a) menggalakkan dan merangsang pembangunan sains, kejuruteraan dan teknologi;
- (b) mengadakan forum untuk pertukaran pendapat di kalangan ahli sains, jurutera dan ahli teknologi;
- (c) menggalakkan kesedaran negara, pemahaman dan penghargaan akan peranan sains, kejuruteraan dan teknologi dalam kemajuan manusia;
- (d) menggalakkan daya rekaciptaan di kalangan ahli sains, jurutera dan ahli teknologi;
- (e) menggalakkan sifat berdikari negara dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi;
- (f) bertindak sebagai forum untuk mengekalkan kesedaran di pihak Kerajaan akan pentingnya peranan sains, kejuruteraan dan teknologi dalam proses pembangunan negara dan membawa kepada perhatian ahli sains, jurutera dan ahli teknologi akan keperluan-keperluan pembangunan negara;
- (g) menganalisa masalah-masalah tertentu negara dan mengenalpasti di mana sains, kejuruteraan dan teknologi dapat memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah itu dan dengan demikian itu membuat syor-syor kepada Kerajaan;
- (h) sentiasa mengambil perhatian tentang perkembangan sains, kejuruteraan dan teknologi dan mengenalpasti perkembangan-perkembangan itu yang ada kaitan dengan keperluan negara dan membawa kepada perhatian Kerajaan akan perkembangan-perkembangan itu;

Fungsi-fungsi  
Akademi.

- (i) menyediakan laporan-laporan, kertas-kertas atau dokumen-dokumen lain berhubungan dengan dasar sains, kejuruteraan dan teknologi negara dan membuat syor-syor yang perlu kepada Kerajaan;
- (j) mendayausahakan dan membiayai kajian pelbagai disiplin yang berkaitan serta perlu bagi pemahaman yang lebih baik tentang implikasi-implikasi sosial dan ekonomi akan sains, kejuruteraan dan teknologi;
- (k) menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dan pendidikan dan latihan tenaga manusia yang sesuai dalam bidang saintifik, kejuruteraan dan teknikal;
- (l) mengadakan dan mengekalkan hubungan antara Akademi dan badan-badan luar negeri yang mempunyai objektif yang sama atau hampir serupa dengan objektif Akademi dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi;
- (m) melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana diminta oleh Kerajaan dari semasa ke semasa; dan
- (n) melakukan apa-apa tindakan lain yang konsisten dengan Akta ini sebagaimana yang dikehendaki untuk melanjutkan kemajuan sains, kejuruteraan dan teknologi di Malaysia dan kebijakan serta taraf Akademi.

Majlis  
Akademi.

**6.** (1) Bagi maksud menjalankan fungsi-fungsi Akademi dan menguruskan hal-hewwal Akademi, maka adalah ditubuhkan suatu Majlis yang, terdiri daripada—

- (a) Presiden;
- (b) Naib Presiden;
- (c) Setiausaha Agung;
- (d) Bendahari; dan
- (e) dua belas orang anggota lain,

yang kesemuanya hendaklah menjadi *Fellow* Akademi.

(2) Presiden hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Menteri, yang syornya adalah dibuat selepas Menteri berunding dengan Majlis, dan Presiden hendaklah memegang jawatan selama tiga tahun dari tarikh perlantikannya dan adalah layak dilantik semula dengan syarat bahawa beliau tidak memegang jawatan tersebut berturut-turut selama tempoh melebihi enam tahun.

(3) Naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari dan dua belas orang anggota lain hendaklah dipilih oleh *Fellow* dalam mesyuarat agung tahunan Akademi dan hendaklah memegang jawatan selama dua tahun dari tarikh pemilihan dan adalah layak untuk dipilih semula ke jawatan yang sama dengan syarat bahawa mereka tidak memegang jawatan tersebut berturut-turut selama tempoh melebihi empat tahun.

(4) Peruntukan-peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi Majlis dan Akademi.

#### 7. Fungsi-fungsi Majlis ialah—

Fungsi-fungsi  
Majlis.

- (a) merumuskan dasar berhubungan dengan fungsi-fungsi Akademi;
- (b) mentadbir hal-ehwal Akademi;
- (c) melantik beberapa orang pegawai atau pengkhidmat Akademi sebagaimana perlu bagi pentadbiran wajar Akademi;
- (d) menyelia dan mengawal pegawai dan pengkhidmatnya;
- (e) mentadbir Kumpulan Wang; dan
- (f) mengadakan mesyuarat agung Akademi untuk memutuskan perkara-perkara yang di bawah Akta ini dikehendaki diputuskan oleh Akademi.

8. (1) Majlis boleh melantik satu atau lebih jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk membantunya melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Perlantikan  
jawatankuasa.

- (2) Bilangan dan tempoh jawatan anggota sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen ini, dan bilangan anggota yang perlu untuk membentuk suatu kuorum, hendaklah diputuskan oleh Majlis.
- (3) Suatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen ini boleh termasuk orang yang bukan anggota Majlis tetapi hendaklah anggota Akademi.

### BAHAGIAN III

#### KEANGGOTAAN AKADEMI

Keanggotaan  
Akademi.

- 9.** (1) Akademi hendaklah terdiri daripada kategori-kategori anggota yang berikut:
- (a) *Fellow*; dan
  - (b) *Fellow* kehormat.
- (2) Tertakluk kepada subseksyen (3), anggota-anggota Akademi adalah berhak untuk—
- (a) menggunakan segala kemudahan-kemudahan Akademi sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis, dari semasa ke semasa, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis; dan
  - (b) keistimewaan-keistimewaan sebagaimana yang diberikan kepada mereka oleh Majlis.
- (3) Majlis boleh menghadkan penggunaan kemudahan-kemudahan Akademi kepada mana-mana kategori anggota.
- (4) Tiada hak atau keistimewaan seseorang anggota Majlis atau Akademi boleh dipindahkan, tetapi apa-apa hak atau keistimewaan tersebut hendaklah terhenti apabila anggota Majlis atau Akademi tersebut berhenti menjadi anggota Majlis atau Akademi sama ada disebabkan oleh kematian, persaraan atau selainnya.
- (5) *Fellow* yang pertama Akademi hendaklah terdiri daripada lima puluh *Fellow* Yayasan yang dilantik oleh Menteri daripada kalangan warganegara Malaysia yang unggul oleh sebab pencapaian mereka masing-masing

dalam bidang sains, kejuruteraan atau teknologi yang dianggap sebagai kecemerlangan dan keunggulan luar biasa.

**10.** (1) Tertakluk kepada subseksyen 9(5) dan subseksyen (3), *Fellow* Akademi hendaklah dipilih daripada kalangan warganegara Malaysia yang unggul oleh sebab pencapaian mereka masing-masing dalam bidang sains, kejuruteraan atau teknologi yang dianggap sebagai kecemerlangan dan keunggulan luar biasa.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), *Fellow* kehormat Akademi hendaklah dipilih daripada orang, yang bukan *Fellow*, yang telah memberi atau sedang memberikan sumbangan yang cemerlang kepada amalan sains, kejuruteraan atau teknologi yang akan memberi manfaat, atau yang boleh menyumbang kepada kerja-kerja, Akademi.

(3) Tiada seorang pun boleh menjadi *Fellow* atau *Fellow* kehormat melainkan jika dia telah dipilih oleh Akademi sedemikian dalam mesyuarat agung tahunan dan tiada seorang pun calon boleh dikemukakan untuk pemilihan melainkan namanya telah dikemukakan kepada Majlis mengikut cara yang diputuskan oleh Majlis.

(4) Daripada kalangan *Fellow*, maka hendaklah dilantik, oleh Majlis, *Fellow Kanan* yang telah memberi sumbangan kepada negara dan perlantikan mereka hendaklah berdasarkan kepada syor suatu panel khas yang terdiri daripada anggota dan bukan anggota Akademi yang dilantik oleh Menteri.

(5) Seseorang *Fellow Kanan* yang dilantik di bawah subseksyen (4) adalah berhak dipanggil sebagai Ahli Akademi dan dibayar elauan khas seumur hidup oleh Kerajaan.

**11.** Seseorang *Fellow* hendaklah terhenti menjadi seorang anggota Akademi jika dia—

(a) disabitkan atas kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

Hilang  
kelayakan  
menjadi  
anggota  
Akademi.

- (b) tak sempurna akal atau kerana apa-apa sebab lain tak berupaya untuk menunaikan kewajipan-kewajipannya; atau
- (c) dihukum bangkrap.

Penamatan  
keanggotaan  
*Fellow*.

**12.** (1) Majlis boleh melalui resolusi membuat syor kepada Akademi untuk menamatkan keanggotaan seseorang *Fellow* jika dia didapati bersalah atas kelakuan yang, pada pendapat Majlis, menyebabkan dia tidak layak untuk menjadi anggota Akademi atau yang akan menyebabkan Akademi mendapat nama buruk.

(2) Sebelum sesuatu syor di bawah subseksyen (1) dibawa kepada Akademi untuk mendapat keputusan, *Fellow* berkenaan hendaklah diberi peluang untuk memberikan penjelasan secara bertulis kepada Majlis dengan menyatakan alasan-alasan tentang mengapa keanggotaannya tidak boleh ditamatkan.

(3) Setelah mempertimbangkan penjelasan bertulis *Fellow* di bawah subseksyen (2), Majlis hendaklah mengemukakan dapatannya dan syornya kepada Akademi yang keputusan mengenai perkara ini, yang dibuat melalui mesyuarat agung tahunannya atau mesyuarat agung luar biasa, adalah muktamad.

#### BAHAGIAN IV

##### KEWANGAN

Penubuhan  
Kumpulan  
Wang  
Akademi  
Sains  
Malaysia.

Wang yang  
hendak  
dibayar ke  
dalam  
Kumpulan  
Wang.

**13.** Maka adalah ditubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Akademi Sains Malaysia yang hendaklah ditadbirkan oleh Majlis.

**14.** Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang—

- (a) apa-apa jumlah wang sebagaimana yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan;

- (b) segala wang yang diterima oleh Akademi melalui derma, pemberian atau bekues;
- (c) segala wang yang diperolehi atau berbangkit daripada apa-apa pelaburan yang dibuat di bawah seksyen 16 atau daripada apa-apa harta, gadai-janji, gadaian atau debentur;
- (d) segala wang yang dipinjam oleh Majlis di bawah seksyen 17; dan
- (e) segala wang dan harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletakhak pada Akademi berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsinya.

**15. Kumpulan Wang** hendaklah digunakan bagi maksud-maksud yang berikut:

- (a) untuk membuat pembayaran bagi gaji, elaun, perbelanjaan dan kos pentadbiran lain yang dikenakan bagi maksud Akta ini;
- (b) untuk mengadakan award, *fellowship*, biasiswa dan bantuan penyelidikan;
- (c) untuk menaja projek-projek penyelidikan yang diusahakan oleh pertubuhan-pertubuhan saintifik, institusi-institusi pengajian tinggi dan orang perseorangan;
- (d) untuk menyiaran dan membeli majalah, buku dan artikel berhubungan dengan sains, kejuruteraan dan teknologi;
- (e) untuk menganjurkan seminar, eksposisi dan lain-lain aktiviti yang seumpama itu berhubungan dengan sains, kejuruteraan dan teknologi;
- (f) untuk membayar sewa, atau untuk membeli suatu tapak bina dan pembinaan, apa-apa bangunan bagi Akademi;
- (g) untuk membayar sewa atau untuk membeli kelengkapan dan bahan-bahan bagi maksud-maksud Akademi;

Maksud-maksud  
Kumpulan  
Wang.

- (h) untuk membayar balik apa-apa wang yang dipinjam oleh Majlis di bawah seksyen 17; dan
- (i) untuk membayar apa-apa perbelanjaan lain yang dilakukan dengan sepatutnya oleh Majlis dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Kuasa untuk  
melabur.

**16.** Majlis boleh, dari semasa ke semasa, melabur wang-wang Kumpulan Wang yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan dengan segera di bawah Akta ini—

- (a) dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan bagi pelaburan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa pada masa itu; atau
- (b) dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

Kuasa  
meminjam.

**17.** Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang akan ditentukan olehnya, meminjam apa-apa wang yang dikehendaki bagi pelaksanaan mana-mana fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN V

### AM

Meterai  
biasa.

**18.** (1) Akademi hendaklah mempunyai meterai biasa dan meterai biasa itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Majlis, suatu cap yang mengandungi perkataan "Akademi Sains Malaysia" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa Akademi.

(3) Meterai biasa hendaklah disimpan dalam jagaan Presiden atau mana-mana orang lain sebagaimana yang diberikuasa oleh Majlis.

(4) Meterai biasa tidaklah boleh dicapkan pada mana-mana suratcara kecuali di hadapan Presiden dan dua

orang anggota lain Majlis yang hendaklah menandatangani nama mereka pada suratcara itu sebagai tanda kehadirannya itu, dan tandatangan itu hendaklah menjadi keterangan mencukupi bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sewajarnya dan sepatutnya dan adalah meterai Akademi yang sah.

(5) Apa-apa dokumen atau suratcara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki dimeterai, boleh disempurnakan oleh Majlis dengan cara yang serupa dan dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak Majlis oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat Akademi yang diberikuasa secara am atau khas oleh Majlis bagi maksud itu.

(6) Meterai Akademi hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

**19.** Semua pegawai dan pengkhidmat Akademi hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Kesejahteraan.

Pegawai dan pengkhidmat Akademi disifatkan sebagai pengkhidmat awam.  
N.M.B. Bab 45.

**20.** Majlis boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Akademi.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan.

**21.** (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Akademi.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan-peruntukan bagi—

(a) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau

(b) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain,

seseorang pegawai atau pengkhidmat Akademi sementara menanti keputusan prosiding tatatertib.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Majlis, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh, dalam menetapkan prosedur bagi prosiding tatatertib, memberikan peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil membuat representasi sebelum keputusan diambil oleh Majlis atas pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadap orang itu.

**Peraturan-peraturan.**

22. (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang suaimanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk mengawalselia prosiding Akademi dan Majlis;
- (b) menetapkan secara amnya mengenai pelaksanaan fungsi-fungsi dan penjalanan kuasa-kuasa Majlis;
- (c) untuk mengawalselia pentadbiran Kumpulan Wang; dan
- (d) untuk menetapkan apa-apa perkara yang di bawah Akta ini akan atau adalah diperlukan supaya ditetapkan.

## JADUAL

(subseksyen 6(4))

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN  
MAJLIS DAN AKADEMI

1. (1) Presiden hendaklah menjadi pengurus Majlis dan <sup>Pengurus.</sup> hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis dan Akademi di mana dia hadir.

(2) Jika Presiden tidak hadir, Naib Presiden hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu, dan jika Presiden dan Naib Presiden tidak hadir, Majlis hendaklah memilih seorang daripada anggotanya untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

2. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 6, Majlis yang pertama hendaklah terdiri daripada *Fellow* Yayasan yang dilantik di bawah subseksyen 9(5) daripada antara mereka, Menteri hendaklah melantik Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari dan dua belas anggota lain dan mereka hendaklah memegang jawatan sehingga Majlis Akademi selepas itu dilantik atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut seksyen 6.

(2) Daripada dua belas anggota-anggota lain Majlis pertama itu, enam anggota hendaklah terhenti daripada memegang jawatan pada akhir tahun pertama perlantikan mereka dan enam pada akhir tahun kedua perlantikan mereka; pemilihan tentang siapa yang terhenti memegang jawatan hendaklah dibuat melalui persetujuan di kalangan mereka, dan jika tiada persetujuan diperolehi, dan jika Presiden melalui budibicara mutlaknya memutuskan, melalui pengiraan undi dalam suatu mesyuarat Majlis dan kekosongan yang diwujudkan sedemikian itu hendaklah diisi melalui pemilihan-pemilihan baharu.

(3) Tertakluk kepada seksyen 6, anggota-anggota Majlis yang bersara di bawah subperenggan (2) adalah layak untuk dipilih semula jika mereka tidak hilang kelayakan, atas apa-apa sebab yang diperuntukkan dalam perenggan 3, daripada memegang jawatan.

(4) Majlis hendaklah memastikan bahawa dua belas anggota lain Majlis yang dipilih hendaklah pada setiap masa mewakili pelbagai bidang aktiviti Akademi supaya mengekalkan setakat mana yang boleh keseimbangan di kalangan anggota-anggota Majlis dan bagi mencerminkan ciri antara disiplin Akademi.

3. Seseorang anggota Majlis hendaklah mengosongkan jawatannya jika—

- (a) dia terhenti daripada menjadi *Fellow*;
- (b) dia menjadi pegawai yang digaji oleh Akademi;
- (c) dia meletakkan jawatannya; atau

Majlis yang pertama dan yang berikutnya.

Hal keadaan bila anggota-anggota Majlis harus mengesongkan jawatan.

(d) kecuali Presiden, dia dipecat dari jawatannya melalui suatu resolusi yang diluluskan dalam suatu mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung luar biasa Akademi.

Anggota boleh bertindak tanpa mengira kekosongan dalam bilangan.

4. Anggota-anggota Majlis boleh bertindak menjalankan apa-apa fungsi atau kewajipan jawatan mereka walau apa pun apa-apa kekosongan wujud dalam bilangan anggota.

Kekosongan biasa.

5. Apa-apa kekosongan biasa yang berlaku dalam keanggotaan Majlis boleh diisi oleh mana-mana *Fellow* Akademi yang dilantik oleh Presiden dan *Fellow* itu hendaklah memegang jawatan hanya selama tempoh yang belum habis tempoh jawatan pendulunya.

Mesyuarat-mesyuarat Majlis.

6. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam setiap tahun kalendar pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Lapan anggota yang hadir dengan sendirinya dalam mana-mana mesyuarat Majlis hendaklah membentuk suatu kuorum.

(3) Suatu keputusan majoriti anggota-anggota Majlis yang hadir dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat Majlis hendaklah disifatkan sebagai suatu keputusan Majlis.

(4) Pengurus atau anggota yang menjadi pengurus dalam mana-mana mesyuarat Majlis hendaklah mempunyai undi asal dan undi pemutus.

Anggota Majlis tidak dibayar saraan.

7. Tiada saraan kena dibayar kepada mana-mana anggota Majlis kerana memegang jawatan.

Mesyuarat agung Akademi.

8. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), mesyuarat agung tahunan Akademi hendaklah diadakan dalam masa empat bulan pertama setiap tahun kalendar, dan pada masa yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Mesyuarat agung luar biasa Akademi boleh diadakan pada bila-bila masa oleh Majlis dan hendaklah diadakan oleh Majlis atas permintaan tidak kurang daripada satu-perlima daripada jumlah *Fellow* Akademi.

(3) Mesyuarat agung biasa Akademi hendaklah diadakan di tempat dan pada masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis untuk membincangkan perkara-perkara saintifik, kejuruteraan atau teknologi atau perkara-perkara lain berkaitan dengan anggota dan hendaklah terbuka kepada semua *Fellow* dan mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Majlis.

(4) Prosedur bagi mesyuarat-mesyuarat agung Akademi dan bagi penyampaian notis-notis hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Majlis.

9. Majlis hendaklah menyebabkan supaya minit-minit mesyuaratnya dibuat dalam buku-buku yang dikhaskan bagi maksud merekodkan semua prosiding, resolusi dan keputusan Majlis dan Akademi.

10. Majlis hendaklah menyenggara suatu daftar, yang dalamnya hendaklah tertulis nama kesemua anggotanya.

Minit-minit  
hendaklah  
disimpan.

Daftar  
anggota-  
anggota.

## HURAIAN

Akta Akademi Sains Malaysia 1994 ("Akta") yang dicadangkan bertujuan menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Akademi Sains Malaysia" yang terdiri daripada ahli sains, jurutera dan ahli teknologi yang unggul.

Akademi ini akan bertanggungjawab bagi menggalakkan kreativiti di kalangan ahli sains, jurutera dan ahli teknologi, membawa perhatian mereka kepada isu-isu pembangunan semasa, menggalakkan mereka berdikari dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi dan membantu untuk mengenalpasti cara penyelesaian masalah-masalah negara menerusi penggunaan sains, kejuruteraan dan teknologi.

## BAHAGIAN I

2. *Fasal 1* bertujuan mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa Akta.
3. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan beberapa perkataan tertentu yang digunakan dalam Akta.

## BAHAGIAN II

4. *Fasal 3* bertujuan menubuhkan Akademi Sains Malaysia sebagai suatu pertubuhan perbadanan.
5. *Fasal 4* bertujuan menyatakan tujuan Akademi.
6. *Fasal 5* bertujuan menyenaraikan pelbagai fungsi-fungsi Akademi.
7. *Fasal 6* bertujuan menubuhkan suatu Majlis bagi Akademi yang akan bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi-fungsi Akademi dan menguruskan hal-ehwal Akademi. Jadual yang tersebut

mengandungi peruntukan-peruntukan berhubungan dengan Majlis dan Akademi.

8. *Fasal 7* bertujuan menyatakan fungsi-fungsi Majlis.

9. *Fasal 8* memberi Majlis kuasa untuk melantik apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai-manafat untuk membantunya melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta.

### BAHAGIAN III

10. *Fasal 9* bertujuan mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Akademi yang hendaklah termasuk *Fellow* dan *Fellow* kehormat. *Fellow* pertama Akademi hendaklah terdiri daripada lima puluh orang *Fellow* Yayasan.

11. *Fasal 10* bertujuan menggariskan kelayakan-kelayakan untuk menjadi *Fellow*, *Fellow* kehormat dan *Fellow* Kanan. *Fellow* Kanan yang dilantik di bawah *suhfasal (4)* hendaklah berhak dipanggil sebagai Ahli Akademi dan dibayar elaun khas seumur hidup oleh Kerajaan.

12. *Fasal 11* dan *12* masing-masingnya bertujuan mengadakan peruntukan bagi kehilangan kelayakan daripada menjadi anggota, atau penamatan keanggotaan, seseorang anggota Akademi.

### BAHAGIAN IV

13. *Fasal 13* bertujuan menubuhkan Kumpulan Wang Akademi Sains Malaysia.

14. *Fasal 14* bertujuan mengadakan peruntukan bagi sumber-sumber pendapatan Kumpulan Wang.

15. *Fasal 15* bertujuan menyatakan maksud-maksud yang baginya wang daripada Kumpulan Wang boleh dibelanjakan.

16. *Fasal 16* bertujuan memberi Majlis kuasa, untuk melabur apa-apa wang Kumpulan Wang yang tidak dikehendaki dibelanjakan dengan segera dalam pelaburan dan sekuriti yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau dalam mana-mana pelaburan lain atau sekuriti yang difikirkan patut oleh Majlis.

17. *Fasal 17* bertujuan memberi Majlis kuasa, untuk meminjam, dengan kelulusan Menteri, apa-apa jumlah wang sebagaimana dikehendaki bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Akta.

## BAHAGIAN V

18. *Fasal 18* bertujuan membuat peruntukan-peruntukan berhubungan dengan meterai biasa Akademi.
19. *Fasal 19* bertujuan menyifatkan semua pegawai dan pengkhidmat Akademi sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.
20. *Fasal 20* bertujuan memberi Majlis kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Akademi.
21. *Fasal 21* bertujuan memberi Majlis kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan mengenai tatatertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Akademi.
22. *Fasal 22* bertujuan memberi Majlis kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan sebagaimana suaimanfaat atau perlu untuk menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik lagi.

## IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amanannya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U<sup>2</sup>) 1803.]